



**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' SERI AZMAN BIN IBRAHIM
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA
DISEMBER 2024**

**17 DISEMBER 2024 (SELASA)
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

PENDAHULUAN

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarokhatuh, Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani,

1. Pertama sekali, marilah kita menzahirkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran kerana dengan izin Allah SWT, kita dapat berhimpun pada pagi ini dalam Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya bagi Bulan Disember 2024. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang sudi hadir dan juga terima kasih kepada seluruh warga Kerja Raya yang telah memberikan komitmen penuh terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

2. Saya ingin memulakan ucapan ini dengan mengucapkan tahniah kepada semua pegawai dan petugas di atas pencapaian cemerlang bagi tahun 2024. Kejayaan ini adalah hasil daripada usaha keras, dedikasi, dan kerjasama yang erat antara kita semua sepanjang tahun 2024. Semoga usaha ini dapat diteruskan dan dilipatgandakan dari semasa ke semasa.

PROGRAM MADANI RAKYAT

3. Pada tahun ini, KKR telah memainkan peranan aktif dalam Program MADANI Rakyat 2024, merangkumi pelbagai zon di seluruh negara, termasuk Kuala Selangor, Pulau Pinang, Kuantan, Johor, Sarawak, dan Sabah. Sepanjang tahun ini, **lebih 20,780 pengunjung** telah melawat reruai KKR yang telah menyampaikan maklumat penting seperti inisiatif MYJalan, peluang-peluang mengikuti kemahiran TVET di Akademi Binaan Negara dan lain-lain.

PENETAPAN HALA TUJU KKR

4. Pada 1 hingga 3 November 2024, Bengkel Penetapan Hala Tuju KKR 2025 telah diadakan di Melaka. Bengkel ini menumpukan kepada usaha untuk mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, penggunaan teknologi seperti BIM dan IBS, serta memacu kelestarian sektor pembinaan. Dengan pendekatan **“Whole of Government,”** KKR beriltizam untuk memastikan kesejahteraan rakyat melalui perancangan dan pelaksanaan projek yang lebih sistematik dan strategik.

PROGRAM SANTUNI MADANI

5. Selain itu, **Program Santuni MADANI yang berlangsung pada 30 November 2024 di Kampung Kubang Semang, Pulau Pinang,** telah memberi impak besar kepada komuniti. Antara pencapaian program ini ialah pemasangan lampu jalan, penaiktarafan infrastruktur masjid, dan pelaksanaan program kemasyarakatan seperti Kenduri Rakyat serta Jualan Rahmah. Mini Karnival yang menarik **lebih 1,000 pengunjung** ini turut menyaksikan **CIDB menyumbangkan RM20,000 untuk membaik pulih rumah daif dan kemudahan komuniti.** Semoga semua usaha ini terus memberi manfaat kepada rakyat serta membina komuniti yang sejahtera dan berdaya maju.

AMALAN TERBAIK KAUNSELING

6. Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa Cawangan Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya, telah **menerima pengiktirafan berprestij dalam Program Regional Counseling Convention (RISE 2024).** Kementerian ini telah dianugerahkan **Amalan Terbaik Kaunseling dalam kategori Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya Perkhidmatan Awam.** Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YB Menteri Kesihatan,

Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, pada 7 November 2024, di EPF Learning Campus, Bangi.

7. Persatuan Kaunseling Antarabangsa Malaysia (PERKAMA International) telah mengiktiraf perkhidmatan kaunseling kementerian ini sebagai salah satu penyumbang kepada amalan terbaik dalam penyampaian perkhidmatan kaunseling yang berkualiti, inovatif, dan berimpak tinggi dalam sektor awam. Kejayaan ini adalah hasil daripada dedikasi dan komitmen kakitangan kami dalam menyampaikan perkhidmatan psikologi yang unggul.

SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)

8. Selain itu, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia juga telah berjaya menyempurnakan **pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) kepada seramai 741 orang kakitangan**. SSPA merupakan inisiatif penting dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam agar mampu memenuhi keperluan rakyat dan pemegang taruh dengan lebih berkesan.

Hadirin yang dihormati,

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA (KAN) TANPA TEGURAN

10. Dengan rasa syukur, saya ingin memaklumkan bahawa **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** telah berjaya menerima **Sijil Ketua Audit Negara (KAN) Tanpa Teguran** bagi Penyata Kewangan Tahun Berakhir 31 Disember 2023. Sijil ini disampaikan oleh

Ketua Audit Negara kepada Ketua Eksekutif CIDB pada 6 September 2024.

11. Lebih membanggakan, prestasi ini telah dikekalkan selama 21 tahun berturut-turut sejak tahun 2003. Kejayaan ini mencerminkan usaha gigih CIDB dalam memastikan isu-isu pengauditan yang berbangkit diselesaikan dengan tuntas. Prestasi ini turut dijadikan salah satu KPI utama CIDB. Saya yakin bahawa dengan komitmen yang konsisten, pencapaian ini akan terus dipertahankan pada masa hadapan.

REFORMASI KERENAH BIROKRASI

12. Seterusnya, dengan bangganya saya ingin memaklumkan mengenai satu lagi pencapaian yang membanggakan. CIDB, melalui Kementerian Kerja Raya (KKR), telah **menerima Sijil Penghargaan daripada Ketua Setiausaha Negara (KSN) atas kejayaan Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB)**. Projek ini bertujuan untuk mempercepatkan proses pengeluaran **Sijil Perakuan Pematuhan Standard (COA) daripada 30 hari kepada hanya 14 hari**.

13. Kejayaan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam, tetapi turut memperkukuhkan sistem pengurusan yang menyokong pembangunan negara. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Bahagian Pematuhan Kualiti Binaan CIDB atas dedikasi mereka dalam melaksanakan inisiatif ini.

14. Pencapaian ini adalah hasil kolaborasi bersepadu yang telah melalui pelbagai peringkat libat urus, termasuk pembentangan dalam Bengkel RKB anjuran MPC, Mesyuarat Pasukan Petugas Khas STAR, dan Hari Inovasi KKR. Selain itu, **CIDB Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah menerima Sijil Penghargaan Ekosistem Kondusif**

Sektor Awam (EKSA) Kendiri kategori CEMERLANG berkuat kuasa pada 12 Disember 2024 sehingga 11 Disember 2026. Tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat. Semoga kecemerlangan ini menjadi pemangkin kepada pencapaian yang lebih gemilang di masa hadapan.

MALAYSIAN HIGHWAY ALERT (MHAAlert) DAN HIGHWAY CRISIS CONTROL AND COMMAND CENTRE (Hi4C)

15. Sukacita saya ingin kongsi bahawa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah membangunkan satu portal yang dinamakan **MHAAlert (Malaysian Highway Alert)** yang bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana atau kejadian luar jangka di dalam jajaran lebuh raya bertol di Malaysia. Sesuai dengan nilai korporat LLM, portal ini berfungsi untuk memberi dan menerima respons, serta memberikan amaran awal mengenai kejadian seperti tanah runtuh, cerun runtuh, jalan mendap, jambatan runtuh, atau banjir yang boleh mengganggu keselamatan pengguna lebuh raya dan menyebabkan kesesakan lalu lintas yang serius. Dengan itu, penyampaian maklumat kepada pengguna lebuh raya dapat dilakukan dengan cepat dan tepat.

16. MHAAlert merupakan gabungan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan platform pengurusan analisis maklumat untuk memudahkan koordinasi dalam komunikasi antara pihak berkuasa dan agensi yang berkaitan. MHAAlert berupaya untuk memastikan pengurusan bencana yang lebih teratur dan efisien hasil kolaborasi maklumat spatial dan infografik maklumat yang divisualisasikan, seterusnya dapat mengurangkan risiko dan meminimumkan impak daripada kejadian bencana yang berlaku. Tuntasnya, MHAAlert memperoleh nilai teknologi

digital yang tinggi dalam menangani keselamatan pengguna lebuhraya, serta menjimatkan masa dan sumber dalam pengurusan bencana di lebuhraya.

17. Selain itu, LLM juga telah menubuhkan ***Highway Crisis Control and Command Centre (Hi4C)*** sebagai usaha untuk memastikan keselamatan dan kelancaran trafik di lebuhraya terjamin, terutama semasa situasi kecemasan. **Hi4C merupakan pusat kawalan dan penyelarasan yang ditubuhkan untuk menguruskan situasi bencana di lebuhraya bertol.** Ia berfungsi sebagai pusat komunikasi utama yang menghubungkan syarikat konsesi lebuhraya, pihak berkuasa tempatan, agensi penyelamat, dan pengguna lebuhraya dalam usaha menangani sebarang insiden bencana seperti tanah runtuh, banjir, kemalangan besar, atau kejadian lain yang mengganggu aliran trafik.

18. Secara keseluruhannya, aplikasi MHAAlert dan Hi4C adalah inisiatif yang baik untuk memastikan pengurusan bencana di lebuhraya bertol dilaksanakan secara cekap dan efektif. Melalui inisiatif ini, KKR dan LLM terus komited untuk menyediakan perkhidmatan terbaik, serta memastikan setiap perjalanan di lebuhraya lebih selamat dan terjamin.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR JALAN DAN JAMBATAN

19. JKR Malaysia, sebagai salah satu jabatan teknikal kerajaan, telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur negara. Khususnya, Cawangan Jalan JKR Malaysia diberikan mandat untuk menguruskan projek-projek pembangunan jalan dan jambatan.

20. Hingga kini, **Cawangan Jalan** telah berjaya melaksanakan **413 projek pembangunan yang melibatkan pembinaan, naik taraf jalan, persimpangan, dan jambatan, dengan kos keseluruhan sebanyak RM38.69 bilion.** Projek-projek ini merangkumi:

- **130 projek dalam peringkat perancangan,**
- **208 projek dalam fasa pembinaan, dan**
- **75 projek yang telah disiapkan.**

21. Sehingga **11 Disember 2024, Cawangan Jalan** telah menguruskan peruntukan sebanyak **RM3.52 bilion** dengan peratus perbelanjaan sebanyak **99.53%.** Selain itu, sebanyak

- **48 surat setuju terima (SST) bernilai RM1.8 bilion** telah dikeluarkan,
- **28 projek bernilai RM969 juta** telah disiapkan,
- **32 projek bernilai RM1.6 bilion** telah diserahkan kepada pelanggan.

MANFAAT PEMBANGUNAN JALAN DAN JAMBATAN

22. Pembangunan infrastruktur jalan raya memberi impak besar kepada rakyat, termasuk:

- **Mempercepat pengangkutan hasil pertanian dan perniagaan,**
- **Meningkatkan nilai tanah,**
- **Merangsang pembangunan kawasan sekitarnya, serta**
- **Menyokong pertumbuhan bandar-bandar baharu.**

23. Untuk kesejahteraan rakyat, JKR turut memberikan khidmat nasihat kepada KKR dalam merancang jajaran baharu, naik taraf jalan, dan pembinaan jambatan, dengan fokus kepada keselamatan, kelancaran perjalanan, dan pengurangan risiko kemalangan.

24. Projek-projek berprofil tinggi seperti **Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai (KBKK)** dan **Lingkar Tengah Utama (LTU)** telah memberi impak besar, termasuk mengurangkan kesesakan, memendekkan jarak perjalanan, meningkatkan akses ke Pantai Timur, dan menyokong pembangunan ECER. Projek ini juga mengambil kira pemeliharaan alam sekitar melalui pembinaan *eco-viaduct*.

PROJEK LEBUHRAYA KOTA BHARU – KUALA KRAI (KBKK)

25. Projek KBKK, sepanjang 70.4 km, bermula dari Pasir Hor hingga Kuala Krai, telah dimulakan sejak RMKe-10 pada 2014. Projek ini dibahagikan kepada tiga pakej utama dan lapan subpakej.

- **Pakej Pertama:** Pasir Hor ke Kadok (10.5 km).
- **Pakej Kedua:** Kadok ke Machang (28.9 km), dibahagikan kepada 3 subpakej (2A, 2B, 2C).
- **Pakej Ketiga:** Machang ke Kuala Krai (31 km), dengan 4 subpakej (3A, 3B, 3C, Lebuh raya Bukit Tiu–Kg Berangan Mek Nab).

26. **Sehingga November 2024, kemajuan fizikal keseluruhan projek adalah 50.14%, melebihi jadual sebanyak 48.9%.** Lebuh raya ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027.

PROJEK LINGKARAN TENGAH UTAMA (LTU)

27. Lingkaran Tengah Utama (LTU), yang sebelum ini dikenali sebagai Central Spine Road (CSR), merupakan komponen utama dalam Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Projek lebuh raya sepanjang 299.4 km ini menghubungkan Kuala Krai, Kelantan hingga ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) dan direka sebagai lebuh raya empat lorong dua hala (*4-lane dual carriageway*) mengikut piawaian JKR R5.

28. **Sehingga November 2024, kemajuan keseluruhan projek LTU telah mencapai 66.45%, berbanding 68.17% yang dijadualkan.** Daripada keseluruhan 26 sub-pakej,

- 1 sub-pakej berada di peringkat perolehan,
- 14 sub-pakej sedang dalam pembinaan, dan
- 11 sub-pakej telah siap.

29. **Kos keseluruhan pelaksanaan sub-pakej ini adalah RM7.7 bilion.** JKR komited untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek ini demi memberikan manfaat kepada pengguna LTU dan penduduk setempat. Projek LTU dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027.

30. Projek LTU adalah bukti komitmen kerajaan dalam meningkatkan jaringan infrastruktur negara, mengurangkan kesesakan, memendekkan perjalanan, serta menyokong pembangunan wilayah secara holistik. Semoga usaha ini terus memberi manfaat kepada rakyat dan memacu pembangunan negara.

BILIK GERAKAN BENCANA (BIGBEN) DAN SISTEM EBENCANA

31. Pada 11 November 2024, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah merasmikan Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) yang baharu serta melancarkan sistem eBencana. BiGBen dan eBencana JKR Malaysia telah dinaik taraf sesuai dengan perkembangan semasa teknologi dan memudahkan capaian informasi kepada orang awam, di samping mempertingkatkan tahap kesiapsiagaan JKR dalam menghadapi bencana.

32. eBencana merupakan sebuah platform bersepadu yang mengintegrasikan data di **Laman Pengurusan Bencana (bencana.jkr.gov.my)** dengan aplikasi pintar eBencana yang boleh diakses terus melalui telefon bimbit. Aplikasi eBencana oleh JKR Malaysia kini sedia untuk dimuat turun menerusi ***App Store dan Google Play***.

33. Berikutan peningkatan kejadian bencana di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, **Bilik Gerakan Bencana (BiGBen)** telah mula beroperasi sehingga ke peringkat 3 selama 24 Jam bermula pada 28 November 2024 dengan pelaporan kejadian bencana dikeluarkan sebanyak enam (6) kali sehari oleh sekretariat BiGBen dengan kolaborasi JKR Negeri dan JKR Daerah yang berperanan mengemaskini maklumat bencana menerusi Laman Rasmi Pengurusan Bencana (eBencana).

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

PENGURUSAN CUTI REHAT

34. Di akhir tahun ini, ramai yang akan bercuti. Jadi, saya ingin menarik perhatian Tuan/Puan sekalian berkaitan Pengurusan Cuti Rehat. **Ketua Jabatan dan Penyelia dikehendaki menyemak kelayakan Cuti Rehat**

Tahun Semasa Pegawai Awam yang diselia sebelum menyokong dan meluluskan Cuti Rehat tersebut. Kecuaian Ketua Jabatan dan Penyelia yang menyokong dan meluluskan Cuti Rehat kepada Pegawai Awam dibawah seliaan yang sudah habis Kelayakan Cuti Rehat, boleh menyebabkan Pegawai tersebut diambil Tindakan Tatatertib dibawah Peraturan 24, Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Peraturan ini menjelaskan bahawa ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang pegawai tanpa cuti ATAU mendapat kebenaran ATAU tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan pegawai itu dikenakan tindakan tatatertib.

35. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab ketua jabatan dalam melaksanakan peranan dan fungsi kawalan ke atas pegawai dan kakitangan di bawah seliaannya sebagaimana yang telah digariskan dan diperuntukan dalam Peraturan- Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

35. Bagi tugas kawalan dan pengawasan tatatertib, Peraturan 3C (1) menyatakan bahawa menjadi tugas tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

36. Dibawah Peraturan 3C (2), seseorang pegawai yang gagal untuk menjalankan Kawalan dan pengawasan ke atas pegawai bawahannya, atau untuk mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib.

37. Akhir sekali, saya ingin berpesan kepada semua warga Kementerian Kerja Raya (KKR) supaya mengambil langkah berjaga-jaga dan sentiasa berwaspada berikutan peralihan Monsun Timur Laut yang kini sedang berlangsung. Fenomena hujan lebat dan angin kencang hampir setiap hari, terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur, boleh mengakibatkan banjir, tanah runtuh, dan cerun runtuh pada bila-bila masa sahaja. Sehubungan itu, saya ingin mengingatkan semua untuk mengelakkan daripada mengunjungi kawasan-kawasan berisiko banjir atau kepala air demi keselamatan diri dan keluarga.

38. Kepada mereka yang akan menyambut Hari Krismas pada 25 Disember nanti, saya ingin mengucapkan **Selamat Hari Krismas**. Bagi mereka yang merancang untuk bercuti sempena musim cuti sekolah dan hujung tahun, berhati-hatilah semasa memandu di jalan raya. Sentiasa patuhi peraturan lalu lintas dan semoga anda semua selamat tiba di destinasi masing-masing.

Sekian, terima kasih.